

MENANGANI PENULARAN PENYAKIT BERJANGKIT

Oleh Zulfiqar Mohd Yusof

PENYAKIT berjangkit merupakan satu fenomena biososial. Manusia boleh dijangkiti penyakit melalui hubungan manusia sesama manusia atau daripada haiwan kepada manusia. Namun begitu, terdapat juga manusia dijangkiti penyakit melalui air dan makanan. Secara umumnya, jangkitan yang berlaku adalah hasil daripada organisma parasitik dan patogenik yang berupaya menyebabkan penyakit. Menurut Fatan Hamamah dalam artikelnya yang bertajuk "Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesannya terhadap Manusia di Malaysia", penyakit yang dikatakan baharu seperti AIDS dan Ebola sebenarnya telah wujud sejak dahulu lagi. Hal ini menunjukkan bahawa penyakit berjangkit sangatlah sensitif terhadap keadaan sosial manusia. Penularan penyakit berjangkit mampu menjejaskan kesejahteraan hidup manusia dan pembangunan negara, khususnya pembangunan sumber manusia.

Sehingga tahun 2009, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sebanyak 26 peratus daripada kes kematian di Asia Tenggara adalah berpunca daripada penyakit

berjangkit. Kebanyakan kes jangkitan penyakit ini disebabkan oleh penyakit seperti malaria, tuberculosis (tibi), SARS dan AIDS, yang banyak menyumbang kepada kematian. Manakala sejumlah 3.3 bilion populasi dunia berisiko untuk terkena jangkitan penyakit malaria. Setiap tahun, sebanyak 250 juta kes malaria dilaporkan dan hampir 1 juta kes berakhir dengan kematian. Bagi penyakit AIDS pula, dianggarkan lebih 42 juta populasi dunia menghadapi penyakit ini dan kematian yang dicatatkan adalah sebanyak 3.2 juta orang.

Punca kepada berlakunya penularan penyakit berjangkit bergantung kepada jenis penyakit, situasi, kawasan dan masyarakat. Bencana banjir misalnya, menjadi salah satu punca kepada berlakunya penularan penyakit berjangkit. Banjir menyebabkan sampah dan sisa najis dari takungan najis keluar bersama-sama dengan limpahan air dan mewujudkan bakteria penyakit berjangkit. Antara penyakit berjangkit yang mudah merebak ketika bencana banjir termasuklah jangkitan pernafasan akut, sakit mata, leptospirosis, cirit-birit, Hepatitis A, taun, demam kepialu, jangkitan kulit, demam campak,

penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD), malaria dan cacar air.

Penyakit leptospirosis juga merupakan penyakit yang sering berjangkit kepada manusia. Penularan penyakit ini disebabkan oleh bakteria leptospira yang terdapat dalam air kencing haiwan mamalia berkaki empat seperti tikus, kucing, anjing, dan lembu. Penyakit ini boleh berjangkit kepada manusia yang terdedah atau bersentuhan secara langsung dengan air yang telah tercemar dengan air kencing tersebut. Antara tanda-tanda disorang penyakit ini termasuklah demam, sakit kepala, loya, muntah, sakit otot, kemerahan pada mata, ruam, sakit pada abdomen dan air kencing berwarna kehitaman. Langkah yang paling mudah bagi mengelakkan terkena jangkitan penyakit ini ialah elakkan daripada bermain lopak air, terutamanya selepas banjir, serta makanan dan minuman hendaklah sentiasa ditutup bagi menghindari ancaman makhluk perosak seperti tikus.

Bagi mencegah penularan penyakit berjangkit ini, langkah paling awal ialah memastikan sumber air yang digunakan ketika mencuci dan memasak daripada

Bencana banjir menjadi salah satu punca penularan penyakit berjangkit.

air yang bersih, terutama sekali di kawasan yang ditimpa banjir. Begitu juga apabila mengendalikankan makanan atau minuman, hendaklah sentiasa mencuci tangan, sayur-sayuran dan buah-buahan dengan air yang bersih. Elakkan makan sayur-sayuran yang mentah, masak air dengan sempurna dan kupas kulit buah-buahan sebelum makan bagi mengelakkan jangkitan penyakit.

Kemasukan pekerja asing yang tidak terkawal atau tanpa saringan juga membawa kepada penularan penyakit berjangkit, lebih-lebih lagi yang memasuki negara secara haram atau tanpa izin. Mereka ini sudah tentu tidak menerima sebarang saringan kesihatan, sama ada di negara asalnya atau negara penerima. Oleh sebab itu, agensi kesihatan perlu bekerjasama dengan agensi keselamatan bagi membendung kemasukan pendatang asing tanpa izin. Manakala bagi pekerja asing yang sah, perlu menjalani ujian kesihatan lebih dahulu di negara asal mereka atau negara penerima.

Penyakit yang sebelum ini berjaya dikawal dan dihapuskan oleh kerajaan, seperti tibi dan kusta, kembali wujud di negara. Hal ini disebabkan oleh warga



Penutupan *Premis Akibat Wabak Penyakit HFMD

*Tasika/Tadika/Pre-Sekolah/ Sekolah Rendah

1 Maksud penutupan premis?

- Menghentikan sementara operasi sesuatu premis dalam tempoh masa tertentu.

2 Tujuan penutupan premis?

- Memutuskan rantaian penularan jangkitan penyakit
- Memberi tempoh untuk pengusaha membersihkan premis

Perintah penutupan premis oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akibat wabak HFMD.

4 Siapa layak arah penutupan premis?

Pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dilantik oleh YB Menteri Kesihatan

5 Tempoh penutupan premis?

- 10 hari iaitu dua (2) tempoh inkubasi penyakit bermula dari terakhir pendedahan akhir kanak-kanak kepada kes

6 Bagaimana kaedah penutupan premis?

- Satu salinan arahan perintah penutupan dikeluarkan kepada pengusaha
- Satu notis penutupan premis ditampal di pintu masuk premis
- Salinan kebenaran membuka semula premis setelah tamat tempoh penutupan akan dikeluarkan

7 Adakah salah jika mengingkari arahan penutupan premis?

- Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau didenda atau kedua-keaduanya mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

asing yang tidak menjalani saringan kesihatan sebelum memasuki negara. Malah, terdapat pekerja asing yang turut menghidap penyakit hepatitis B, sifilis, AIDS, malaria, dan epilepsi. Pada tahun 2013, penyakit tibi yang membabitkan pekerja asing mencatatkan jumlah kes melebihi 16 ribu daripada 24 ribu kes yang dilaporkan. Manakala penyakit hepatitis B mencatatkan sebanyak lima ribu kes dan penyakit kelamin berjangkit pula hampir dua ribu kes.

Penyakit bawaan oleh warga asing boleh merebak dalam kalangan masyarakat tempatan melalui pelbagai cara, antaranya termasuklah melalui sentuhan iaitu perhubungan secara terus atau bendarir badan, dan vektor yang melibatkan nyamuk, tikus dan latat. Malahan penyakit ini boleh berjangkit melalui makanan yang diurus atau dijual oleh warga asing, terutamanya di pasar malam, gerai atau restoran yang melanggar piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Dalam hal ini, penekanan harus diberikan terhadap kesedaran masyarakat dalam melindungi kesihatan diri, di samping pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Kesihatan secara berkala.

Kini, Malaysia dikejutkan pula dengan penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang kian meningkat. Menurut statistik Kementerian Kesihatan, jumlah kes HFMD yang dilaporkan

telah meningkat apabila statistik secara kumulatif menunjukkan sehingga 23 Julai 2018, hampir 36 ribu kes HFMD telah dilaporkan. Penyakit HFMD disebabkan oleh virus yang dikenali sebagai enterovirus meliputi Coxsackie Virus A16 (Cox A16) dan Enterovirus 71 (EV 71). Penularan penyakit HFMD berlaku disebabkan oleh sentuhan langsung dengan cecair hidung, air liur, lepuh dan najis kanak-kanak atau pesakit yang dijangkiti, serta sentuhan pada permukaan dan alatan permainan yang tercemar dengan virus tersebut. Akibat penularan penyakit ini, hampir 500 premis yang melibatkan taska, tadika dan sekolah telah ditutup di seluruh negara. Bagi mengelakkan daripada dijangkiti penyakit HFMD ini, ibu bapa dinasihatkan agar sentiasa membersihkan tangan anak-anak ketika berada di luar rumah, dan mengelakkan daripada membawa anak-anak ke


tempat yang dipenuhi dengan orang ramai.

Pada peringkat global pula, masyarakat dunia berhadapan dengan ancaman penyakit Ebola dan Zika. Penyakit Ebola pertama kali dikesan di sebuah desa bernama Yambuku di Republik Demokratik Kongo pada tahun 1976. Nama Ebola diambil sempena nama sebatang sungai kecil berhampiran kampung tersebut. Ebola bermaksud hitam dalam bahasa tempatan. Hal ini membuktikan bahawa Ebola bukanlah penyakit baharu tetapi satu penyakit yang lama. Ebola akhirnya kembali meledak pada tahun 2014. WHO melaporkan bahawa seramai lima ribu pesakit daripada 14 ribu orang yang dijangkiti Ebola telah meninggal dunia di negara Sierra Leone, Guinea dan Liberia.

Apabila penyakit Ebola ini berupaya mengancam benua-benua lain seperti Eropah dan Amerika Utara, maka negara Barat mula memandang serius terhadap penularan penyakit ini. Amerika Syarikat dan Britain telah memperketat saringan terhadap kemasukan warga dari Afrika Barat di lapangan terbang dan mempersiapkan hospital untuk menghadapi sebarang kemungkinan penularan penyakit itu. Mantan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama telah meminta kongres meluluskan dana bantuan berjumlah USD6.2 bilion bagi membantu memerangi penularan penyakit Ebola di Afrika Barat, sekali gus melindungi negara itu daripada sebarang penyebaran penyakit berkenaan. Dalam hal ini, usaha menangani penularan penyakit berjangkit bersifat rentas sempadan, dan bukan tanggungjawab negara yang ditimpa penyakit berjangkit semata-mata.

Secara tuntasnya, semua pihak – ibu bapa, guru, masyarakat dan pihak kerajaan – tidak terkecuali dalam memainkan peranan untuk menangani penularan penyakit berjangkit. Jangan hanya membuang masa menuding jari kepada mana-mana pihak. Masalah yang dihadapi tidak akan selesai dengan saling berbalahan antara satu sama lain. Masyarakat seharusnya berganding bahu menangani masalah penyakit berjangkit dengan lebih berkesan.

Secara tuntasnya,
semua pihak –
ibu bapa, guru,
masyarakat dan
pihak kerajaan – tidak
terkecuali dalam
memainkan peranan
untuk menangani
penularan penyakit
berjangkit.



Kesedaran tentang bahaya penyakit berjangkit seharusnya bermula pada peringkat sekolah.